

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang]

TARIKH : 7 Ogos 2017

SOALAN : (Dato' Wira Othman Bin Abdul) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-

Apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran padi 10 tan satu hektar di negara ini dan bila jangkaan matlamat ini boleh dicapai?

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kuantiti import beras pada tahun 2016 semakin berkurang jika dibandingkan dengan tahun 2015 iaitu **penurunan sebanyak 22%**. Pengurangan ini disebabkan oleh **peningkatan produktiviti padi** di mana secara puratanya **meningkat kepada 5.05 mtan per hektar pada tahun 2016 berbanding 4.88 mtan per hektar pada tahun sebelumnya**. Selain itu, **perubahan corak pemakanan penduduk Malaysia yang mengamalkan pemakanan berprotein berbanding pengambilan nasi yang berkomponen karbohidrat tinggi turut mempengaruhi jumlah keperluan beras walaupun berlaku peningkatan jumlah penduduk setiap tahun**.

Di dalam industri ini, antara masalah utama yang mempengaruhi produktiviti pengeluaran padi adalah serangan penyakit dan perosak padi seperti *Bacterial Leaf Blight* (BLB), bena perang, siput gondang, ulat ratus dan karah serta keadaan cuaca yang buruk seperti fenomena El Nino.

Bagi menangani serangan penyakit dan perosak padi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa menggalakkan dan membimbing petani-petani dalam sistem pertanian yang mesra alam dengan mengamalkan kaedah Amalan Pertanian Baik (GAP) melalui Pengurusan Tanaman Bersepadu dan Pengurusan Perosak Secara Bersepadu.

Kementerian terus berusaha mencari kaedah untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran padi seluruh negara. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

- (i) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA (EPP11);
- (ii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (iii) pengamalan teknologi pertanian tepat;
- (iv) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi;
- (v) penggunaan benih padi sah;
- (vi) pengenalan kepada varieti benih baru seperti MARDI 284 DAN MARDI Siraj 297; dan
- (vii) membuka kawasan jelapang padi baru di **Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lupar** dengan tambahan jumlah keluasan kawasan seluas 25,905 hektar.